

DIPLOMASI DIGITAL TIDAK DAPAT MENGGANTIKAN DIPLOMASI BERSEMUKA - SAIFUDDIN

Foreign News | Berita Luar Negara | 18/11/2021 | Author: SANKARA SUBRAMANIAM A/L
VENKATACHALAM | Others

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Meskipun penting untuk menerima diplomasi digital dalam tempoh pasca pandemik, Menteri Luar Malaysia Datuk Saifuddin Abdullah mengingatkan komuniti diplomatik agar meneruskan tradisi mereka untuk terlibat dalam interaksi secara bersemuka.

Beliau berkata mereka juga harus mewujudkan rangkaian hubungan yang lebih erat dengan pihak berkepentingan masing-masing yang akan membantu mereka untuk menyerlah di peringkat antarabangsa.

Ketika kehadiran fizikal tidak lagi menjadi faktor utama dalam diplomasi dunia pasca pandemik, ia memberikan cabaran kerana asas penting dalam diplomasi adalah membina hubungan dan rangkaian.

"Terdapat banyak keadaan, saya percaya walaupun dalam tempoh pasca pandemik, orang mungkin menganggap pertemuan secara maya menjimatkan masa, tenaga dan sumber, tetapi terdapat pertemuan yang tidak boleh digantikan dengan persidangan video. Anda perlu bersemuka terutamanya apabila ia melibatkan krisis dan penyelesaian konflik.

"Ia tidak boleh menandingi kemesraan ketika di meja makan, beberapa diplomat akan pergi bermain golf atau menonton wayang bersama. Anda tidak boleh ketepikan hubungan akrab itu. Hubungan akrab itu memerlukan masa dan komunikasi secara bersemuka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Titah Ucapan Diraja Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah Perak bertajuk "Membentuk Diplomat Generasi Baharu" di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) sempena ulang tahun ke-30 institusi itu, di sini, hari ini.

Saifuddin berkata demikian merujuk gesaan Sultan Nazrin, yang juga penaung diraja IDFR, pada majlis itu bahawa diplomasi digital tidak akan dapat menggantikan pertemuan secara bersemuka.

Sultan Nazrin bertitah sebagai pakar komunikasi, diplomat digalakkan untuk mendukung diplomasi digital bagi melengkapkan diplomasi bersemuka kerana ia boleh membantu menunjukkan pendirian dasar luar sebuah negara kepada khalayak dari dalam dan luar negara.

Saifuddin berkata titah Sultan Nazrin hari ini akan dijadikan teks rujukan untuk kakitangan kementerian dan pelajar yang mengikuti kursus berkaitan diplomasi di IDFR, cabang latihan Kementerian Luar.

Mengenai inisiatif yang dilaksanakan kementerian dalam memastikan diplomat adalah pakar dalam bidang masing-masing, menteri itu berkata kementerian melalui IDFR sentiasa melatih komuniti diplomatik untuk menjadi komunikator yang baik dalam urusan mereka dan cara mengendalikan media.

"Wisma Putra juga sedang mempertingkatkan kapasiti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan menambah baik auditorium dan studionya memandangkan kebelakangan ini banyak persidangan video

berlangsung setiap hari di kementerian ini,” tambahnya.

Saifuddin turut mengucapkan tahniah kepada IDFR sempena ulang tahun penubuhannya yang ke-30, dengan menyebut 12 daripada diplomat kanan kementerian itu pernah berkhidmat sebagai ketua pengarahnya setakat ini.

“Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Ketua Pengarah pertama IDFR, Datuk Albert S. Talalla, yang berada di sini bersama kita hari ini. Pada 1991, Datuk Albert Talalla, yang baru tamat berkhidmat sebagai Duta Besar ke Amerika Syarikat, telah ditugaskan untuk menubuhkan institut ini yang terkenal hingga ke hari ini,” katanya.

Saifuddin dalam ucapannya berkata pada 3 Nov, Kabinet telah meluluskan “Focus in Continuity: A Framework for Malaysia’s Foreign Policy in a Post-Pandemic World” (Fokus pada Kesenambungan: Satu Rangka Kerja Bagi Dasar Luar Malaysia dalam Dunia Pasca Pandemik) yang menjadi manifestasi usaha kerajaan untuk menangani, antara lain cabaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

“Ia bukan penyusunan semula prinsip dasar luar Malaysia atau kepentingan negara. Ia juga tidak menandakan perubahan radikal dalam strategi diplomatik dan jangkauan Malaysia kepada dunia. Asas kami kekal sama, sambil menyusun strategi ke arah pendekatan dan bidang baharu,” katanya.

Majlis hari ini dihadiri oleh pegawai tertinggi Wisma Putra dan diplomat asing.

-- BERNAMA

TAG: Saifuddin Abdullah, diplomasi, Raja Nazrin, IDFR

VSS PR NUH